



20 MAR, 2023

THT akhiri penantian 10 tahun julang treble



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

THT akhiri penantian 10 tahun julang treble

PASUKAN Hoki Terengganu (THT) mengakhiri penantian 10 tahun untuk mendakap kejuaraan treble selepas menjinakkan penyandang juara Tenaga Nasional Berhad (TNB) 2-1 dalam perlawanan akhir Piala TNB di Stadium Hoki Bukit Jalil pada Sabtu.

Skuad kendalian Seo Jong-ho sebelum itu telah pun menjuarai Piala Sumbangsih dan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini.

“Kemenangan ini satu sejarah buat Terengganu selepas 10 tahun ditubuhkan dan saya percaya ia titik peluh pihak pengurusan serta Menteri Besar yang sentiasa mempercayai kemampuan kami.

“Kita memang berjuang hingga ke titisan darah terakhir, bila sudah mendahului kita jadikan strategi bertahan hingga pada saat akhir,” kata kapten pasukan Mohd Fitri Saari.

Pada perlawanan itu, gol THT dijaringkan Faizal Saari pada minit ke-20 sebelum Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal menyamakan kedudukan hasil pukulan sudut penalti minit ke-43.

Biarpun begitu kegembiraan TNB tidak kekal lama apabila pakar pukulan sudut penalti THT dari Korea Selatan, Jang Jongh-yun menambah gol pada minit ke-52 untuk kemenangan 2-1.

Sementara itu, Negeri

Sembilan pula unggul merangkul Piala Vivian May Soars selepas menewaskan KPT-Uniten Thunder (KPT) menerusi penentuan pukulan penalti 3-2 selepas kedua-dua pasukan terikat 1-1 pada masa penuh perlawanan.

Ketiga-tiga pukulan disempurnakan pemain hoki negara Hanis Nadiah Onn, kapten pasukan Nuraini Abdul Rashid dan Nur Afiqah Syahzani Azhar.

Kemenangan itu sekali gus menyaksikan anak buah K Rajan turut meraih gelaran trebel buat julung kalinya selepas menjuarai Piala Sumbangsih dan Liga Hoki Wanita Malaysia musim ini.